

## PENERAPAN DASAR SYARIAT DALAM NOVEL KETIKA CINTA BERTASBIH KARYA HABIBURRAHMAN EL-SHIRAZY

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi\*

*Calon Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi*

\*Corresponding author: [gawer\\_994@yahoo.com.my](mailto:gawer_994@yahoo.com.my)

---

### Article history

Received: 2016-01-05

Received in revised form: 2016-04-17

Accepted: 2016-04-17

### Abstract

*Ketika Cinta Bertasbih* that has been written by Habiburrahman El-Shirazy is considered as a leading Islamic pop novel in Indonesia and also received an overwhelming response from fans in Malaysia. This is due to the practice of morality and responsibility values that applied by the author. This novel emphasizes the fundamental tenets of the Islamic fundamentals which contributes to the creation of a holistic overview of Islam. Hence, this paper aims to study and analyze the use of fundamental law committed by the author of the novel *Ketika Cinta Bertasbih*. This research used a content analysis method by applying document analysis as the main methods of data collection. The results of this study showed that Habiburrahman as the author of this novel have used the fundamental laws through the use of fictional framework that meets the legal framework outlined by the tenets of Islam.

**Keywords:** *Ketika Cinta Bertasbih*, Habiburrahman el-Shirazy, Inculcation

### Abstrak

Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El-Shirazy dianggap sebagai novel pop Islami yang terkemuka di Indonesia dan juga mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peminat-peminat di Malaysia. Ini disebabkan oleh pengamalan moraliti dan nilai-nilai ketanggung jawaban yang diaplikasikan oleh pengkarya ketika menghasilkan novel ini dengan menitik beratkan fundamental Islami antaranya fundamental syariat yang merupakan asas penting kepada pembentukan tasawur Islami yang syumul. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis penerapan dasar syariat yang dilakukan oleh pengarang dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih*. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan dengan mengaplikasikan pendekatan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data yang utama. Hasil kajian ini telah memperlihatkan Habiburrahman selaku pengarang novel ini telah memanfaatkan fundamental syariat melalui pemanfaatan rangka fiksyen yang menepati kerangka hukum hakam yang telah digariskan oleh Islam.

**Kata kunci:** *Ketika Cinta Bertasbih*, Habiburrahman El-Shirazy, Penerapan

## 1.0 PENDAHULUAN

Makalah ini bertujuan untuk melihat dengan lebih mendalam lagi mengenai penerapan dasar syariat dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El-Shirazy. Berbicara berkenaan dasar syariat, menurut Mahmood (2004:2-7), maksud syariat ialah suatu yang merangkumi secara keseluruhannya segala apa yang diturunkan oleh Allah kepada umat manusia melalui Rasul-Nya Nabi Muhammad SAW dalam aspek pengajaran tentang hidup manusia sama ada mengenai akidah, akhlak, tasawuf, ibadat dan segala peraturan lain yang menghubungkan antara manusia dengan Tuhan-Nya, diri sendiri atau dengan masyarakat. Beliau juga membahaskan dengan terperinci mengenai perbezaan istilah antara syariat, fiqh, hukum dan undang-undang dan menyatakan bahawa syariat adalah bersifat umum berbanding dengan istilah-istilah yang lain. Sayyid Sabiq (2009:10) dalam bukunya yang tekenal iaitu *Fiqh Sunnah* juga menyatakan bahawa *tasyri'* Islam ataupun pensyariatan Islam yang tulen seperti hukum-hakam ibadah adalah bersumberkan daripada wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sepertimana yang terdapat di dalam Al-Qur'an, Sunnah, atau ijtihad yang telah diperakuinya.

Menurut Ruzian (2003:16), antara tujuan diturunkan pensyariatan dalam Islam adalah untuk mendidik manusia. Ini kerana kehidupan manusia di muka bumi ini sering terdedah dengan pelbagai cubaan, dugaan dan ujian. Selain itu, keadaan manusia yang hidup di dunia ini memungkinkan mereka untuk melaksanakan perkara yang disuruh oleh Allah ataupun melakukan perkara yang dilarang oleh Allah. Justeru itu, adanya pensyariatan dalam Islam sebagai satu peraturan untuk mengawal tingkah laku dan perlakuan manusia agar sentiasa berada dalam jagaan dan naungan Islam yang sebenar. Manusia dianugerahi Allah dengan akal yang sempurna untuk membezakan perkara yang baik dan buruk namun faktor nafsu yang ada dalam diri manusia selalu mengajak ke arah perkara yang ditegah oleh-Nya seandainya tidak ada peraturan yang mengawal dan mengekang kemahuan manusia yang bersalahan dengan syariat Allah. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah Yusuf 12:53 yang bermaksud “Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhan-Ku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhan-Ku Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”. Oleh yang demikian, datangnya pensyariatan Islam untuk mendidik manusia dan memandu nafsu manusia agar selari dengan panduan wahyu Ilahi.

Antara lain tujuan pensyariatan Islam diturunkan oleh Allah adalah untuk memelihara lima perkara atau prinsip yang menjadi tunjang bagi kesejahteraan dan keamanan manusia. Perkara-perkara tersebut adalah untuk menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta (Ruzian, 2003:17-20). Antara perkara yang berkaitan dengan menjaga agama iaitu tujuan pensyariatan Islam diturunkan ialah Islam melarang dengan sekeras-kerasnya penganutnya untuk keluar daripada Islam ataupun murtad setelah melafazkan dua kalimah syahadah. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Baqarah 2:217 yang bermaksud “Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tадah) dari agamanya (agama Islam) lalu ia mati sedang ia tetap kafir maka orang-orang yang demikian rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat dan mereka itulah ahli neraka kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya)”. Islam tidak memaksa manusia yang berlainan agama untuk menganut agama Islam sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah (2:256), namun setelah seseorang itu telah melafazkan dua kalimah syahadah ini bermakna diharamkan baginya untuk menukar agama sesuka hati. Ini bertujuan untuk menjaga kesucian Islam sebagai agama yang diredayai di sisi Allah dan menjaga ketinggian martabat Islam berbanding agama-agama yang lain.

Bila menyentuh mengenai syariat Islam, terdapat beberapa istilah yang perlu diketahui dengan jelas seperti istilah *fiqh*, *ijtihad*, *qada'* dan *fatwa*. Menurut Mohd Fuad (2005:18), istilah syariat berbentuk umum dan meliputi segenap sisi hukum-hakam dalam kehidupan yang berkaitan dengan akidah, akhlak dan perbuatan. Bagi istilah *fiqh* pula, ia lebih khusus yang berkaitan dengan hukum-

hakam bagi permasalahan perbuatan mukallaf dalam perkara-perkara ibadat dan muamalat. Dan bagi konteks kajian ini, perhatian akan diberikan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan *fiqh*.

Para ulama telah membahagikan *fiqh* ini kepada beberapa bahagian antaranya ialah perkara yang berkaitan dengan ibadat. Antara skop perbincangan dalam perkara ibadat ialah kebersihan, solat, puasa, haji dan lain-lain lagi. Selain itu, skop perbincangan *fiqh* juga meliputi perkara yang berkaitan dengan muamalat seperti jual beli, sewa, gadaian dan perkongsian. Skop yang ketiga berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan yang meliputi perkahwinan, cerai, ‘*iddah*, *ruju*’, yang juga dikenali dengan *munakahat*. Skop yang keempat ialah perkara yang berkaitan dengan *jinayat* iaitu hudud, qisas, takzir dan diat. Skop yang kelima ialah yang berkaitan dengan masalah pendakwaan dan sistem kehakiman yang juga dikenali sebagai *fiqh* pendakwaan dan pembuktian. Skop yang keenam ialah yang berkaitan dengan hal-hal pemerintahan seperti sistem syura, keadilan, persamaan hak yang juga dikenali sebagai siasah syar‘iyyah. Di samping itu, skop yang ketujuh membicarakan mengenai hukum-hakam yang berkaitan dengan kenegaraan seperti hubungan antara negara Islam dengan negara yang bukan Islam yang mempunyai penduduk Islam di dalam negara tersebut. Manakala skop yang terakhir ialah yang berkaitan dengan ekonomi seperti kekayaan negara bagaimana ia digunakan dan diagihkan dan hal-hal yang menyentuh mengenai sistem baitul mal ataupun sistem urusan zakat (Mohd Fuad 2005:30-32).

Melihat kepada dasar syariat ini, ia merupakan antara asas yang penting dalam membentuk manajah yang syumul bagi agama Islam. Islam turut dilengkapi dengan dasar akidah yang merupakan kepercayaan dan pegangan manusia untuk memimpinnya ke jalan yang benar. Oleh itu, jalan yang benar bersumberkan akidah yang sahיל juga hendaklah berteraskan akhlak dan citra manusia yang luhur pekertinya. Kembali menyentuh berkenaan dasar syariat, ia berbalik kepada peraturan dan hukum hakam yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia di muka bumi ini dalam segala aspek kehidupan termasuklah dalam kegiatan berkarya ataupun bersastera. Dalam aspek berkarya, jika terdapat keadaan-keadaan yang bertentangan dengan ajaran Islam maka hukumnya adalah haram dan sebaliknya jika tidak ada perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam maka hukumnya adalah harus (Hasjmy, 1986:68). Secara tidak langsung, ini amat berkait rapat dengan konsep sastera Islami yang terlebih dahulu dipelopori oleh para cendekiawan dan ilmuwan dari dunia Arab. Menurut Mohd Adi Amzar, et al. (2016:20), definisi sastera Islami yang dikemukakan oleh kebanyakan sarjana dan tokoh dunia Arab antaranya Saad Abu Redha, Muhamad Hasan Burayghish, dan Imad al-Din Khalil meletakkan syarat asas untuk diterima sebagai karya sastera Islami antaranya mestilah selari dengan *worldview* dan syariat Islam. Ini sama sekali berbeza dengan sastera bukan Islami di mana kandungannya amat jauh dan kontang dengan nilai-nilai Islam apatah lagi karya sastera yang terang-terangan menyindir dan mempersendakan Islam secara langsung mahupun tidak langsung seperti apa yang telah dijelmakan oleh Najib Mahfuz dalam karya beliau *Awlad Haratina* dan juga Salman Rushdie dalam *The Satanic Verses*. Kewujudan dua contoh karya ini secara tidak langsung telah melanggar batas yang telah ditetapkan oleh syariat sekaligus terkeluar dalam konteks sastera yang dibenarkan oleh Islam. Kajian Zulkarnain Mohamed (2011) secara saintifiknya telah membuktikan wujud pelbagai penyelewengan dan penyalahgunaan kerangka Islam oleh Najib Mahfuz antaranya seperti penamaan Allah SWT, Malaikat, Nabi Muhammad SAW dan para Nabi yang lain.

Merujuk kepada dua contoh karya yang jelas mempersendakan Islam, menjadi satu cabaran kepada penulis muslim khususnya dalam menghasilkan karya yang betul-betul menepati kehendak Islam dan syariat. Jika ini wujud, perkara pertama yang perlu diselesaikan adalah pemanduan pada kerangka asas hukum hakam yang betul dan ini secara langsung melibatkan kewajaran dan ketepatan rangka fiksyen pada hukum hakam berdasarkan penerapan yang beretika. Merujuk kepada penerapan pada rangka fiksyen, ia bertitik tolak daripada pernyataan dan roh syariat Islamiah yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Semua manusia di muka bumi tertakluk kepada taklifan yang telah ditetapkan oleh Allah yang berupa sistem ibadah ataupun peraturan kehidupan yang telah

dijelaskan dalam al-Quran dan diperincikan oleh Hadis. Kesemua ini melibatkan perlakuan manusia dalam segala segi kehidupan sehari-hari seperti aspek muamalah, munakahat, jinayah dan lain-lain lagi yang berkait dengan hukum hakam seperti haram, harus atau makruh.

Ketepatan fakta dalam karya yang berkait dengan hukum hakam melalui rangka fiksyen menjadi teras pengukuran kepada penerapan yang sebenar. Ia kembali merujuk kepada prinsip ‘ilmu yang benar’ yang merupakan salah satu prinsip terpenting dalam gagasan sastera Islami Mohd Affandi Hassan ataupun lebih dikenali dengan Persuratan Baru. Menerusi prinsip ini, ‘ilmu’ yang dimaksudkan adalah sebagai gagasan, idea, buah fikiran atau hujahan, hasil daripada fahaman yang jitu dan mendalam, yang dicanai dan disintesikan oleh akal fikiran sehingga terbangunnya idea atau gagasan yang logik, tersusun dan munasabah untuk seterusnya diketengahkan melalui perantaraan bentuk yang kreatif. Dalam hal ini, ia melibatkan hujahan, taakulan, debat, penjelasan, sanggahan, huraian, analisis dan sebagainya. Ia menyumbang kepada aspek yang paling penting dalam pemanfaatan ini untuk diselesaikan iaitu aspek rangka fiksyen yang bertepatan dengan hukum hakam Islam yang akan memperlihatkan kebenaran ilmu dan fakta yang sama sekali tidak boleh dipertikaikan kerana ia adalah bersumberkan wahyu bukan berdasarkan akal manusia yang terbatas (Ungku, 2007:61).

Jelas di sini bahawa penerapan yang beretika bagi dasar syariat ditentukan oleh aspek utama yang telah disebut sebelum ini iaitu rangka fiksyen yang melibatkan persoalan hukum hakam yang diselesaikan mengikut al-Quran, Hadis dan ijma‘ ulamak serta bertepatan dengan apa yang dinukilkan oleh pengarang. Juga penerapan yang beretika diukur melalui nilai rangka yang membawa mesej didaktik iaitu yang mengutamakan nilai ketepatan dan kebenaran ilmu serta pengajaran bukan sekadar cerita semata-mata. Perbincangan pada bahagian seterusnya akan memfokuskan berkenaan latar belakang pengarang kepada sampel utama kajian iaitu Habiburrahman El-Shirazy serta sedikit pengenalan berkenaan sampel kajian ini iaitu novel *Ketika Cinta Bertasbih*. Selanjutnya, analisis akan dilakukan berkenaan penerapan dasar syariat dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* melalui penerapan pada rangka fiksyen yang melibatkan persoalan hukum hakam dalam karya ini.

## **2.0 PROFIL HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY DAN NOVEL KETIKA CINTA BERTASBIH**

Habiburrahman El-Shirazy adalah seorang tokoh penulis muda Indonesia yang sedang meningkat naik khususnya dalam dunia penulisan sastera Islami. Perbincangan seterusnya akan mengkaji serba sedikit berkaitan dengan profil beliau agar dapat dikenali dengan lebih mendalam akan kewibawaan dan ketokohan beliau dalam lapangan kesusastraan.

Habiburrahman dilahirkan di Gangin Banetayu Wetan di Semarang pada hari Khamis, 30 September 1976 dan kedua orang ibu bapanya bernama Saerozi Noor dan Siti Rodhiyah (Muhlis, 2009:108). Beliau merupakan anak sulung daripada enam orang adik beradik yang masing-masing bernama Ahmad Munif, Ahmad Mujib, Ali Imron, Faridatul Ulya dan Muhammad Ulin Nuha. Beliau juga telah berumah tangga dengan pasangannya iaitu Muyasaraton Sa‘idah dan dikurniakan dua orang cahaya mata yang bernama Muhammad Neil Author dan Muhammad Ziaul Kautsar (Arief, 2011:52).

Beliau telah memulakan alam persekolahan rendah di sekolah dasar (SD) di halaman kampungnya sendiri iaitu Semarang dan pada sebelah petang beliau akan belajar mengaji di sekolah agama (Arief, 2011:52). Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran pada peringkat menengah di Mts Futuhiyyah 1 Mranggen, Demak sambil mempelajari kitab kuning di Pondok Pesantren Al-Anwar, Demak di bawah seliaan KH. Abdul Bashir Hamzah (Habiburrahman, 2005:414).

Pada tahun 1992, beliau telah merantau ke Kota Budaya Surakarta untuk belajar di Madrasah Aliyah Program Khusus (MAPK) Surakarta dan lulus pada tahun 1995. Habiburrahman kemudian meneruskan pengembalaan intelektualnya di bumi Kinanah Mesir dengan melanjutkan pelajaran peringkat ijazah sarjana muda di Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Kaherah dan tamat pada tahun 1999 (Habiburrahman, 2008:479). Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang sarjana di The Institute for Islamic Studies in Cairo yang diasaskan oleh Imam Al-Baiquri dan selesai pada tahun 2001. Namun demikian, akibat berlakunya beberapa permasalahan, beliau tidak sempat untuk menulis tesis dan hanya dianugerahkan Diploma Pascasarjana dan bukan gelaran sarjana (Arief 2011:52).

Banyak kejayaan dan anugerah yang dicapai oleh Habiburrahman sejak usianya masih remaja lagi antaranya beliau memenangi tempat kedua dalam penulisan artikel se-MAN Surakarta pada tahun 1994. Beliau juga memenangi tempat pertama dalam pertandingan membaca puisi agama peringkat SLTA Jawa Tengah (1994), tempat pertama pertandingan pidato remaja Surakarta yang dianjurkan oleh UNS Surakarta (1994), tempat pertama pertandingan pidato bahasa Arab yang dianjurkan oleh Universitas Muhammadiyah Surakarta (1994) dan tempat pertama pertandingan membaca puisi Arab peringkat nasional yang dianjurkan oleh Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta (1994) (Habiburrahman, 2008:480).

Sebagai pengarang muda yang sedang meniti nama di Indonesia, Habiburrahman juga banyak memenangi anugerah atas karya-karya yang bermutu tinggi antaranya ialah Penghargaan Sastera Terpuji Pena Award pada tahun 2005, Penghargaan *The Most Favorite Book and Writer* oleh Majalah Muslimah (2005), Penghargaan Fiksi Dewasa Terbaik Islamic Book Fair (2006) dan Tokoh Perubahan Indonesia oleh Harian Umum Republika (2007). Pada tahun 2008, beliau juga telah dianugerahkan sebagai Novelis No.1 Indonesia oleh INSANI Universitas Diponegoro, Adab Award dalam bidang novel Islami oleh Fakultas Adab UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta (2008) dan pada tahun 2009, beliau telah mendapat anugerah *Paramadina Award 2009 for Outstanding Contribution to the Advancement of Literatures and Arts in Indonesia* (Arief, 2011:53).

Habiburrahman juga banyak melibatkan diri dalam kegiatan karya terjemahan seperti *Ar Rasul* (2001), *Biografi Umar bin Abdul Aziz* (2002), *Menyucikan Jiwa* (2005) dan lain-lain lagi. Beliau juga banyak menghasilkan cerpen yang dimuatkan dalam antologi *Ketika Duka Tersenyum* (2001) dan *Merah di Jenin* (2002). Beberapa tulisannya juga pernah disiarkan dalam Republika, Annida, Jurnal Sastera dan Budaya Kinanah, Jurnal Justisia dan lain-lain. Beliau juga telah menghasilkan karya yang menjadi fenomena di Indonesia iaitu *Ayat-Ayat Cinta* pada tahun 2004 dan karya-karya lain seperti *Ketika Cinta Berbuah Surga*, *Di Atas Sajadah Cinta*, *Ketika Cinta Bertasbih*, *Dalam Mihrab Cinta*, *Nyanyian Cinta*, *Ketika Derita Mengabadikan Cinta*, dan *Pudarnya Pesona Cleopatra*. Manakala dalam bidang drama, beliau pernah menghasilkan beberapa naskhah drama dan mengetuai pengarahan pementasan di Kaherah antaranya *Wa Islamia* (1999), *Sang Kyai dan Sang Durjana* (2000) dan *Darah Syuhada* (2000) (Muhlis, 2009:109-111). Beliau juga pernah membintangi filem *Ketika Cinta Bertasbih* terbitan Sinema Art Pictures pada tahun 2009 dengan membawa watak sebagai Ustaz Mujab sebagai pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di Mesir.

Menyentuh mengenai korpus utama kajian ini iaitu novel *Ketika Cinta Bertasbih*, ia merupakan sebuah karya yang dikarang oleh penulis muda terkenal Indonesia, Habiburrahman El-Shirazy. Novel ini mula ditulis oleh beliau pada hari Rabu bersamaan 20 Julai 2005 dan selesai menulis pada hari Jumaat bersamaan 22 September 2006. Karya ini terbahagi kepada dua edisi iaitu edisi pertama dan edisi kedua. Edisi pertama telah diterbitkan oleh Penerbit Republika, Jakarta Selatan bagi cetakan pertama pada Februari 2007 dan telah diulang cetak beberapa kali atas sambutan yang menggalakkan daripada peminat. Untuk edisi yang kedua juga telah diterbitkan oleh penerbit yang sama dan merupakan sambungan cerita daripada edisi pertama.

Novel ini merupakan karya kelima Habiburrahman selepas *Ketika Cinta Berbuah Surga* (2005), *Pudarnya Pesona Cleopatra* (2005), *Ayat-Ayat Cinta* (2004) dan *Di atas Sajadah Cinta* (2004). Karya pada edisi pertama ini juga menunjukkan fenomena penjualan yang memberangsangkan seperti novel *Ayat-Ayat Cinta* dengan mencatatkan jualan melebihi 150,000 ribu naskhah walhal belum genap setahun berada di pasaran Indonesia. Begitu juga dengan novel edisi keduanya yang turut mencatatkan penjualan yang di luar jangkaan apabila terjual melebihi 75,000 naskhah pada minggu ketiga berada di pasaran (Habiburrahman, 2008:7).

Karya beliau juga bukan sahaja mendapat sambutan hangat daripada peminat novel di Indonesia, malah turut mendapat penerimaan yang baik khususnya peminat di nusantara seperti Malaysia dan Brunei. Atas faktor penerimaan ini, novel ini telah diangkat menjadi filem pada tahun 2009 dan diterbitkan oleh Sinema Art Pictures. Pengarah terkenal Indonesia, Chaerul Umam diberi tanggungjawab untuk mengarah filem ini dan para pelakon filem pula antaranya ialah Kholidi Asadil Alam, Oki Setiana Dewi, Alice Sofie Norin, Meyda Sefira dan Deddy Mizwar.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini secara asasnya menggunakan analisis kandungan sebagai rekabentuk utama kajian dan berbentuk kualitatif secara sepenuhnya. Tatacara pengumpulan data bagi kajian ini adalah berdasarkan metode analisis dokumen dengan novel *Ketika Cinta Bertasbih* sebagai sumber primer utama. Manakala sumber sekunder pula adalah dengan menghimpunkan kebanyakan buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung. Bagi tatacara penganalisisan data pula, kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis deskriptif dan analisis tekstual bagi menghuraikan secara terperinci berkenaan penerapan dasar syariat dalam sampel utama kajian ini iaitu novel *Ketika Cinta Bertasbih*.

## **4.0 PENERAPAN HUKUM SYARIAT DALAM RANGKA FIKSYEN**

Bahagian ini akan membahaskan dengan teliti pemanfaatan rangka fiksyen yang melibatkan persoalan hukum hakam yang terdapat dalam karya ini. Terdapat empat konsep yang melibatkan persoalan hukum hakam yang akan dibahaskan iaitu konsep hubungan lelaki dan perempuan yang bukan mahram, konsep melamar wanita, konsep pengecualian solat bagi wanita yang keuzuran pada syarak dan terakhir iaitu konsep mengerjakan solat. Pemanfaatan akan diteliti dari segi penggunaan perkataan dan konotasi ayat daripada pengarang dalam karya beliau untuk menunjukkan situasi sesuatu konsep itu sama ada mengharamkan, mengharuskan atau mewajibkan. Di samping itu, diselitkan juga pandangan Islam mengenai situasi berikut berpandukan kepada Al-Qur'an, Hadis dan ijma' ulamak. Justeru, ketepatan rangka fiksyen adalah penting bagi menunjukkan sikap keseriusan pengarang dalam menterjemahkan elemen syariat yang melibatkan hukum hakam dalam Islam disamping memperakankan pemanfaatan yang beretika dalam dasar syariat ini.

### **4.1 Konsep Hubungan Lelaki dan Perempuan Yang Bukan Mahram**

Konsep pertama yang akan dibincangkan dalam pemanfaatan pada rangka fiksyen ini ialah berkaitan dengan konsep hubungan lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Secara umumnya Islam adalah agama yang memelihara kehormatan lelaki mahupun perempuan. Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas mengenai hubungan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram iaitu yang boleh dikahwini. Firman Allah dalam surah al-Nur ayat 30 dan 31 telah meletakkan garis panduan yang cukup jelas untuk diikuti oleh manusia mengenai konsep hubungan antara jantina yang berlainan ini. Antara intipati ayat 30 dan 31 daripada surah al-Nur ini ialah mengenai perintah kepada kaum lelaki yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka daripada memandang yang haram dan memelihara kehormatan mereka.

Begitu juga dengan kaum perempuan yang beriman, Allah telah memerintahkan mereka supaya menundukkan pandangan daripada memandang perkara yang haram dan memelihara kehormatan mereka. Allah juga telah menyuruh mereka supaya tidak memperlihatkan perhiasan tubuh kepada yang bukan mahram dan dilarang untuk menghentakkan kaki dengan tujuan untuk menarik perhatian orang-orang di sekeliling mereka. Ayat ini jelas menunjukkan tentang garis panduan yang telah Allah nyatakan dalam al-Quran bagi memandu manusia mengikutinya dengan patuh demi menjaga kehormatan manusia agar tidak terjerumus ke lembah yang membinaaskan iaitu penzinaan.

Menyentuh mengenai konsep ini dalam karya Habiburrahman, beliau telah memaparkannya pada satu babak antara Azzam dan Eliana ketika urusan mengenai penyediaan makan malam khas yang dihadiri oleh sahabat baik ayah Eliana yang juga merupakan Duta Besar Indonesia ke Turki telah selesai dilaksanakan oleh Azzam. Pada majlis itu Azzam diminta oleh Eliana untuk menyediakan sajian istimewa iaitu ikan bakar khas untuk ayah Eliana dan sahabatnya. Azzam telah berjaya melaksanakan tugasan dengan sebaiknya dan sebagai ganjaran Eliana telah berjanji untuk memberikannya hadiah khas yang berupa ciuman khas Perancis kepada Azzam. Habiburrahman (2011:35-36) menukilkan dalam teks seperti berikut :

“*Hadiahnnya apa?*”

“*Mahu tahu?*”

“*Ya.*”

“*Ciuman istimewa daripadaku.*”

“*Yes.*”

“*Ciuman istimewa Mbak Eliana itu ciuman yang bagaimana?*”

“*French kiss, ciuman khas Perancis.*”

“*Mbak mahu menghadiahkan aku ciuman khas Perancis? Ah yang benar saja?*”

“*Benar sungguh! Tapi Mas Khairul sudah pulang sih. Jadi sorry ye.*”

“*Ah Mbak jangan menggoda orang miskin dong.*”

“*Saya tidak menggoda, serius. Saya sungguh-sungguh mahu memberi Mas Khairul ciuman itu, tadi sayang abang sudah pulang.*”

“*Alhamdulillah. Untung saya terburu-buru pulang.*”

“*Lho kok, malah merasa untung.*”

“*Ya soalnya jika dapat ciuman khas Perancis dari Mbak, bagi saya bukanlah jadi hadiah, tapi jadi musibah!*”

Petikan di atas menunjukkan bagaimana Eliana menawarkan hadiah kepada Azzam atas pertolongannya menyediakan sajian pada makan malam khas berupa ciuman khas Perancis. Eliana menyangka bahawa Azzam akan menyukai dan menghargai tawaran daripadanya itu tetapi ternyata dia tersilap membuat perhitungan. Azzam telah bertindak menolak tawaran ciuman itu dengan kutipan daripada teks “*Ya soalnya jika dapat ciuman khas Perancis dari Mbak, bagi saya bukanlah jadi hadiah, tapi jadi musibah!*”. Rangka perkataan musibah dalam teks novel ini boleh difahami sebagai sesuatu yang mengundang kecelakaan dan kemurkaan daripada Allah. Tawaran ciuman daripada Eliana itu mungkin merupakan keseronokan yang dicari oleh sesetengah orang yang tidak mengenal dosa dan pahala akan tetapi bagi manusia yang mempunyai jati diri Islam yang kukuh seperti Azzam, tawaran itu merupakan malapetaka dan bencana bagi dirinya kerana ia akan mengundang kemurkaan daripada Allah disebabkan berlakunya persentuhan yang tidak halal antara dirinya dan Eliana. Ketegasan Azzam dalam mempertahankan tindakannya itu seterusnya dapat dilihat dalam kutipan dalam teks seperti berikut :

“Saya juga memiliki prinsip. Prinsip hidup. Prinsip hidup saya itu saya dasarkan pada Islam. Sebab saya paling yakin dengan ajaran Islam. Di antara ajaran Islam yang saya yakini adalah ajaran tentang menjaga kesucian. Kesucian lahir dan kesucian batin. Kenapa dalam buku-buku fiqah, pelajaran pertama pasti tentang thaharah. Tentang bersuci. Adalah agar pemeluk agama Islam sentiasa menjaga kesucian zahir dan batin. Di antara kesucian-kesucian yang dijaga oleh Islam adalah kesucian hubungan antara lelaki dan wanita. Islam sama sekali tidak membolehkan ada persentuhan intim antara lelaki dan wanita kecuali mereka itu adalah suami-isteri yang sah. Dan ciuman gaya Perancis itu bagi saya sudah termasuk kategori sentuhan sangat intim. Yang dalam Islam tidak boleh dilakukan kecuali oleh pasangan suami-isteri. Ini demi menjaga kesucian. Kesucian kaum lelaki dan kaum wanita.”

(Habiburrahman, 2011:81)

Kutipan teks di atas mengukuhkan lagi pendirian dan prinsip Azzam mengenai konsep hubungan antara lelaki dan perempuan yang tiada ikatan perkahwinan yang sah. Maksud rangka fiksyen “Di antara kesucian-kesucian yang dijaga oleh Islam adalah kesucian hubungan antara lelaki dan wanita. Islam sama sekali tidak membolehkan ada persentuhan intim antara lelaki dan wanita kecuali mereka itu adalah suami-isteri yang sah” jelas menunjukkan bahawa Islam menegah dengan sekeras-kerasnya sentuhan antara lelaki dan wanita yang tidak mempunyai ikatan perkahwinan yang sah.

Al-Jazairi (1994:42) menyatakan bahawa Allah telah menjelaskan kepada hamba-hamba-Nya cara menjaga kehormatan kemaluan mereka iaitu dengan cara menjaga pandangan dari dilihat selain daripada mahram kerana dikhuatiri akan membawa kepada penzinaan. Allah juga memerintahkan mereka agar berusaha untuk menghindarkan diri dari lelaki yang bukan mahramnya, memerintahkan mereka agar selalu bersederhana dan sopan dalam berpakaian serta menjauhi pergaulan bebas dengan lelaki yang tidak halal bagi mereka. Ini dapat dilihat daripada intipati ayat al-Quran menerusi surah al-Ahzab 33: 32-33 yang jelas mengandungi panduan yang wajar diikuti oleh kaum wanita bagi memelihara maruah dan kehormatan mereka.

Para fuqaha’ juga telah bersepakat bahawa berdosa besar bagi wanita memakai wangi-wangian dan memakai perhiasan yang berlebihan semata-mata untuk menunjukkan kecantikannya kepada orang lain kerana ditakuti akan berlakunya kerosakan ataupun fitnah. Ini dapat dilihat pada zaman Jahiliyah iaitu sebelum kedatangan cahaya Islam, *tabarruj* merupakan amalan yang amat digemari oleh kebanyakan perempuan pada zaman itu yang mana mereka sengaja melenggang-lenggokkan badan apabila berjalan, memakai perhiasan secara berlebihan, memperlihatkan keindahan tubuh seperti leher, dada, rambut, tengkuk, pinggul, pergelangan tangan dan betis mereka (al-Jazairi, 1994:43). Ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian atau menggoda orang yang berada di sekeliling mereka. Oleh itu, Islam telah menutup pintu-pintu yang membawa kepada kecelakaan dan musibah yang lebih besar iaitu penzinaan dengan memerintahkan manusia supaya menjauhi dan jangan mendekati zina. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Isra’ 17:32 yang bermaksud “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.

Rangka perkataan yang diucapkan oleh Azzam dalam karya seperti ‘musibah’ menunjukkan dengan jelas isyarat yang ingin dilontarkan oleh Habiburrahman dalam karyanya mengenai keburukan dan kecelakaan yang akan menimpa si pelaku apabila tidak menghiraukan amaran Allah agar menjaga kehormatan dan maruah masing-masing dalam pergaulan. Ia bukan sahaja mengundang murka Allah bahkan akan berlakunya kemudaratian seperti kelahiran anak yang tidak sah taraf dan penularan penyakit-penyakit yang berbahaya. Beliau juga memanfaatkan rangka ayat yang lebih jelas dan terang dalam menyatakan pendirian Islam yang tidak membenarkan berlakunya sebarang sentuhan intim antara lelaki dan wanita yang tidak mempunyai ikatan hubungan yang sah menerusi dialog penjelasan Azzam dengan Eliana. Sehubungan itu, pengarang jelas menerapkan dasar syariat yang beretika pada rangka fiksyen dengan menonjolkan kewajaran hukum yang sesuai dengan

kONSEP YANG DIBINCANGKAN PADA BAHAGIAN INI IAITU MENGENAI HUBUNGAN LELAKI DAN PEREMPUAN YANG BUKAN MAHRAM.

#### **4.2 Konsep Melamar Wanita Yang Sudah Dilamar Orang Lain**

Seterusnya bahagian ini pula akan melihat pemanfaatan pada rangka fiksyen mengenai konsep melamar wanita yang sudah dilamar oleh orang lain. Menurut al-Zuhaili (2009:53), lamaran ini berasal daripada perkataan Arab (خطبة) yang bermaksud mencari peluang bernikah yang dilakukan oleh pihak pelamar iaitu lelaki dari pihak yang dilamar iaitu perempuan. Hukum melamar adalah sah dan boleh dilakukan sebagaimana Rasulullah SAW telah melakukannya ketika melamar para isteri baginda.

Menyentuh mengenai konsep ini dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih*, Habiburrahman telah menggambarkan pada satu babak ketika mana Fadhil telah menerima surat daripada Tiara. Dalam surat itu, Tiara telah meluahkan segala isi hatinya kepada Fadhil dan berharap agar Fadhil dapat merendahkan keegoan hatinya untuk menerima dirinya sebagai isteri. Fadhil berada dalam keadaan kebingungan dengan ajakan gila daripada Tiara kerana dia sudah pun dilamar oleh Zulkifli iaitu sahabat baiknya ketika di pesantren dahulu dan pada masa yang sama Tiara juga telah menerima lamaran daripada Zulkifli. Namun perasaan cinta Tiara terhadap Fadhil cukup menebal dan dia merasakan tidak dapat memberikan kebahagian kepada orang yang tidak dicintainya. Justeru, Fadhil telah meminta nasihat dan pandangan daripada Azzam berkaitan dengan kemelut yang sedang dihadapinya ketika itu. Kutipan daripada teks seperti berikut :

*“Dhil, percayalah padaku, jika Tiara itu jadi bernikah dengan Zulkifli, setelah ‘aqad dan menemui malam pertama dan bulan madu, seluruh kenangannya denganmu akan hilang. Ia akan hanya mencintai suaminya, orang yang pertama menyentuhnya. Dan kau kelak, sebaik sahaja bernikah dan mempunyai isteri, juga sama. Jika Tiara memang benar-benar tidak dapat menerima Zulkifli tentu sejak awal lagi dia akan terus menolaknya, tanpa harus meminta pertimbanganmu. Tanpa harus mencari dulu kepastian atau isyarat atau ketegasan, atau apalah namanya darimu.*

*“ Pesanku hanya satu, kau jangan jadi pecundang, jangan jadi pengkhianat! Jadilah kau lelaki sejati. Kau jangan kalah oleh perasaan. Sebahagian perasaan itu datangnya dari nafsu yang mengajak dosa. Tapi ikutilah petunjuk Nabi. Demi menjaga rahmat dan kasih sayang sesama manusia dan khususnya sesama Muslim, Baginda Nabi sudah memberikan petunjuk yang indah bagi kita.*

*Petunjuk dan tatususila berkaitan dengan melamar wanita. Beliau dengan tegas mengatakan: ‘Haram hukumnya bagi seorang Muslim melamar di atas lamaran saudaranya!’ Kita dilarang melamar wanita yang telah dahulu dilamar orang lain. Kecuali kalau wanita itu memang telah menolak, dan ertiannya masih kosong, tidak ada yang melamarnya, maka kita boleh melamarnya.*

(Habiburrahman, 2011:415-416)

Kutipan teks yang panjang lebar di atas menunjukkan bagaimana pengarang cuba untuk menyesuaikan mesej yang ingin disampaikan melalui rangka ayat. Habiburrahman jelas telah memanfaatkan rangka fiksyen pada ayat “ Petunjuk dan tatususila berkaitan dengan melamar wanita. Beliau dengan tegas mengatakan: ‘Haram hukumnya bagi seorang Muslim melamar di atas lamaran saudaranya!’ melalui penerangan Azzam kepada Fadhil mengenai hukum seorang muslim melamar lamaran saudaranya. Pemanfaatan pada maksud ayat dalam rangka fiksyen ini jelas menunjukkan keseriusan pengarang dalam menonjolkan hukum ini agar dapat difahami dan diamalkan oleh pembaca.

Menurut al-Zuhaili (2009:55), Islam mengharamkan lamaran seorang muslim kepada seorang wanita yang telah dilamar oleh orang lain sekiranya memang jelas pihak wanita itu telah menyatakan persetujuan terhadap orang yang terlebih dahulu melamarnya. Hal ini telah ditegaskan oleh sebuah Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a., ia berkata bahwasanya Rasulullah

SAW melarang seorang muslim untuk melamar wanita yang sedang dilamar oleh saudara muslim yang lain. Keadaan sebaliknya dibolehkan sekiranya orang yang terlebih dahulu melamar meninggalkan lamarannya atau memberikan izin kepada pelamar selainnya.

Peminjaman terhadap kata-kata Baginda dalam menyatakan hukum berkaitan dengan lamaran dalam karya ini adalah merupakan pemanfaatan beretika pada rangka fiksyen yang berjaya diterapkan oleh pengarang dengan jelas sekali. Kesimpulannya, pemanfaatan ini dimanfaatkan menerusi dialog yang berupa nasihat dan tunjuk ajar oleh Azzam kepada Fadhil bagi menyelesaikan masalahnya dan merupakan rangka fiksyen yang begitu kukuh dan konkret berjaya dihasilkan oleh Habiburrahman dalam karya beliau ini.

### **4.3 Konsep Pengecualian Solat Bagi Wanita Yang Uzur Syar‘ie**

Perbahasan seterusnya akan menyelusuri pemanfaatan rangka fiksyen pada konsep ketiga yang akan dibincangkan pada bahagian ini iaitu konsep larangan solat bagi perempuan yang mempunyai keuzuran pada syarak. Secara umumnya apabila berbicara mengenai pengecualian pada kaum perempuan daripada taklifan syarak seperti solat ataupun ibadat-ibadat khusus yang lain seperti puasa, tawaf dan lain-lain, ada dua persoalan yang menjadi perbincangan iaitu persoalan haid dan nifas. Menurut al-Zuhaili (2004:610) dalam karya beliau yang terkenal *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, makna haid dari segi istilah syarak ialah darah yang keluar dari hujung rahim perempuan dalam keadaan sihat dan bukan semasa melahirkan anak atau semasa sakit serta ia keluar dalam masa yang tertentu. Kebiasaannya warna darah haid adalah hitam, sangat panas dan berbau busuk.

Manakala bagi persoalan nifas, makna nifas dari segi syarak ialah berbeza mengikut pendapat ulamak pada empat mazhab. Menurut ulamak Hanafi dan Syafie, nifas ialah darah yang keluar selepas bersalin manakala darah yang keluar bersama-sama dengan anak ketika kelahiran atau sebelumnya adalah darah penyakit atau *istihadah*. Bagi ulamak mazhab Hanbali pula, nifas ialah darah yang keluar dengan sebab kelahiran anak dan makna nifas menurut ulamak Maliki ialah darah yang keluar daripada kemaluan wanita sewaktu melahirkan anak ataupun selepasnya walaupun darah itu keluar antara anak kembar (al-Zuhaili, 2004:621-622).

Menyentuh mengenai aplikasi konsep ini dalam karya, Habiburrahman secara umumnya tidak menyebut mengenai permasalahan haid ataupun nifas secara terang dan khusus tetapi beliau hanya menyebut secara umum dan tidak melibatkan sebarang perbahasan mengenainya. Ini dapat dilihat melalui babak dalam novel antara Azzam dan Eliana ketika mana Eliana meminta Azzam untuk bersegera menolongnya membeli perencah dan bahan-bahan untuk ikan bakar khas yang akan disediakan pada makan malam antara bapanya dan Pak Juneidi. Berikutan itu, Azzam menyuruh Eliana supaya tidak tergesa-gesa dan bersolat Maghrib dahulu terlebih dahulu. Habiburrahman (2011:19) menyatakan dalam teks seperti berikut :

“ *Kita diminta ke depan. Kebetulan Pak Ali sudah ada di dalam kereta. Memang tadi saya berpesan akan pergi setelah solat Maghrib. Mari kita berangkat!*” Kata Eliana setelah menelefon.

“ *Sebentar. Apa tidak sebaiknya Mbak solat Maghrib dahulu, kalau belum solat?*”

“ *Aduh, solat lagi, solat lagi. Solat itu gampang!*”

“ *Lho, jangan meremehkan solat Mbak. Kalau Mbak belum solat lagi, lebih baik Mbak solat saja. Biar saya dan Pak Ali saja yang berbelanja.*”

“ *Tidak, saya harus ikut. Tidak tenang rasanya kalau saya tidak ikut. Tentang solat yang Mas Khairul katakan itu tenang saja Mas. Aku memang sudah uzur. Kalau solat juga, tentu berdosa. Tahu sendirikan perempuan ada saat-saat dia tidak boleh solat. Jom kita berangkat. Kita harus cepat, waktunya singkat!*”

“ *Kalau begitu ayuh.*”

Petikan di atas menggambarkan kepada kita keadaan yang dialami oleh Eliana iaitu dia berada dalam keuzuran pada syarak yang menghalangnya untuk melakukan ibadah solat. Pengarang secara jelas telah memanfaatkan maksud pada rangka ayat “Aku memang sudah uzur. Kalau solat juga, tentu berdosa” melalui watak Eliana yang mengatakan bahawa dia berada dalam keadaan haid ataupun nifas yang menghalangnya daripada mengerjakan solat dan jika dia mengerjakan juga akan membawa kepada hukum haram dan berdosa.

Rangka ayat yang dibawa oleh Habiburrahman dalam karya beliau ini ternyata bertepatan dengan apa yang dijelaskan oleh para fuqaha' dalam persoalan haid dan nifas ini. Menurut al-Zuhaili (2004: 625), wanita yang berada dalam keadaan haid dan nifas diharamkan untuk solat dan ini berdasarkan kepada Hadith Rasulullah SAW kepada Fatimah binti Abu Hubaisy iaitu, “ Apabila engkau didatangi haid hendaklah engkau tinggalkan sembahyang”. Ulamak juga bersepakat bahawa fardu solat itu gugur daripadanya dan tidak perlu diganti. Akan tetapi pendapat yang muktamad menurut mazhab Syafie ialah makruh menggantikan solat dan jika ia dibuat, maka solat itu menjadi sunat mutlak yang tidak diberi pahala.

Berdasarkan penerangan di atas, jelas menunjukkan rangka fiksyen yang dibawa oleh pengarang melalui pengecualian wanita yang berada dalam keadaan yang uzur syar‘ie untuk ibadah solat menepati dengan kehendak hukum yang telah disepakati oleh jumhur fuqaha'. Maksud rangka ayat “ Kalau solat juga, tentu berdosa” membawa kepada konotasi yang positif dan bertepatan dengan hukum yang telah dibincangkan oleh para fuqaha'. Justeru, ini membuktikan pemanfaatan beretika telah dilakukan oleh pengarang menerusi konsep ketiga ini dan mewajarkan kepada ketepatan fundamental syariat Islami yang sebenar.

#### **4.4 Konsep Kewajipan Mengerjakan Ibadah Solat**

Konsep terakhir yang akan dibincangkan pada pemanfaatan rangka fiksyen kali ini ialah konsep kewajipan mengerjakan ibadah solat. Secara asasnya, ibadah solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah dan wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang mukallaf pada syarak. Terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang menyatakan mengenai kewajipan solat antaranya surah al-Bayyinah 98:5, surah al-Haj 22:78 dan surah al-Nisa' 4:103. Manakala Hadis juga banyak yang mengatakan mengenai kewajipan solat ini antaranya yang masyhur menerusi apa yang dinukilan oleh Imam Muslim (2001) dalam *Sahihnya* iaitu:

Maksudnya :

*Abdullah berkata : Rasulullah SAW telah bersabda : Islam itu dibangun di atas lima hal iaitu persaksian (syahadat) bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan-Nya, mendirikan solat, memberikan zakat, haji di Baitullah dan puasa Ramadhan.*

Berbalik kepada persoalan konsep ini dalam karya novel, Habiburrahman telah mengemukakannya dalam beberapa babak dalam novel ini antaranya ketika Azzam selesai berehat di anjung bilik hotelnya dan sedang bersiap-siap untuk pergi ke masjid untuk menuaikan solat Maghrib. Ketika dia hendak keluar dari biliknya, tiba-tiba telefon berdering menandakan ada panggilan yang masuk untuknya. Namun dia tidak mengendahkan panggilan telefon itu dengan menganggap bahawa panggilan azan untuk solat lebih utama untuk didahulukan daripada segala urusan. Habiburrahman (2011:13) menukilkan dalam teks seperti berikut :

*Saat tangannya menyentuh gagang pintu hendak keluar, telefon di biliknya berdering. Ia terdiam sesaat. Ia menatap telefon yang sedang berdering itu sesaat dan terus membuka pintu lalu melangkah keluar. “Kalau dia benar-benar berhajat, nanti pasti dia telefon lagi setelah solat. Apakah dia tidak tahu sekarang ini waktu solat,” lirihnya menuju lif.*

*Ia membenarkan tindakannya itu dengan berfikir bahawa datangnya azan yang memanggilnya itu lebih dahulu dari datangnya deringan telefon itu. Dan ia harus mendahulukan yang datang lebih dahulu. Ia harus mengutamakan undangan yang datang lebih dahulu. Apalagi undangan yang datang lebih dahulu itu adalah undangan untuk meraih kebahagiaan akhirat.*

Selain itu, babak lain yang menggambarkan mengenai konsep ini dipaparkan ketika mana Azzam berkunjung ke Pasar Sayyeda Zaenab untuk membeli bahan-bahan keperluan untuk membuat tempe dan bakso. Dia telah berurus dengan Ammu Ragab untuk membeli kacang soya dan seterusnya dia menuju ke gerai menjual daging milik Ibrahim. Ketika urusannya di gerai daging Ibrahim sudah selesai, azan Asar berkumandang dan dia meminta diri untuk menunaikan solat terlebih dahulu. Sisipan daripada teks seperti berikut :

*Azan Ashar menggalun dari Masjid Sayyeda Zaenab.*

*“Terima kasih Akhi. Saya pulang dulu,” kata Azzam setelah itu.*

*“Maaf kalau kita tidak boleh banyak berbicara seperti biasa. Waktunya memang singkat. Jangan lupa doakan kami. Doa penuntut ilmu dari jauh yang ikhlas seperti pasti didengar Allah,”* tukas Ibrahim.

*“Sama-sama. Kita saling mendoakan.”*

*Azzam lalu bergegas kembali ke gerai Ammu Ragab dan menyimpan dagingnya di sana. Ia hendak ke masjid solat Ashar dulu. Ia berjalan melalui lorong pasar. Terus ke tempat wudhu’ masjid. Dan waktu kaki kanannya menginjak pintu masjid, sang mu’azzin melantunkan iqamat.*

(Habiburrahman 2011:163)

Kedua-dua babak yang dinyatakan sebelum ini adalah berkaitan dengan konsep kewajipan mengerjakan solat. Ini dapat dilihat daripada beberapa rangka ayat yang menunjukkan keseriusan pengarang dalam menonjolkan mesej mengenai kepentingan melakukan ibadah solat. Antara rangka ayat seperti “Ia membenarkan tindakannya itu dengan berfikir bahawa datangnya azan yang memanggilnya itu lebih dahulu dari datangnya deringan telefon itu. Dan ia harus mendahulukan yang datang lebih dahulu”. Maksud rangka ini menunjukkan bahawa prinsip dan jati diri Azzam yang begitu teguh berpegang pada pegangan Islam yang mensyariatkan solat sebagai ibadah untuk dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan tidak mempedulikan urusan keduniaan yang baginya tidak seenting urusan akhirat.

Maksud rangka ayat seterusnya iaitu “Azzam lalu bergegas kembali ke gerai Ammu Ragab dan menyimpan dagingnya di sana. Ia hendak ke masjid solat Ashar dulu. Ia berjalan melalui lorong pasar” juga membuktikan sikap Azzam yang cukup menitikberatkan soal pelaksanaan solat bahkan dia cukup menjaga kesempurnaan solat agar dilaksanakan di awal waktu tanpa perlu bertangguh ke waktu yang lain. Ini dibuktikan dengan tindakan Azzam yang terlebih dahulu menuju ke masjid untuk menunaikan solat dan menyimpan daging yang telah dibelinya di gerai Ammu Ragab walhal dia boleh melaksanakan solat itu di rumah kerana keadaannya ketika itu agak sibuk dengan urusan jual beli.

Apabila melihat kembali kepada pensyiaratan Allah terhadap ibadah solat, menurut al-Zuhaili (2004:658), solat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang baligh, berakal dan berkeadaan suci. Ini bermakna ia tidak diwajibkan ke atas seseorang apabila datangnya haid atau nifas, gila ataupun pitam. Para ulama’ telah bersepakat bahawa hukum mengingkari akan perintah solat adalah kafir iaitu menjadi murtad dan sesiapa yang meninggalkannya kerana malas ataupun menganggapnya perkara mudah maka ia menjadi fasiq ataupun penderhaka. Ini dikecualikan kepada orang yang baru sahaja memeluk Islam ataupun dia tidak bercampur dengan orang Islam yang lain untuk beberapa ketika yang membolehkan mereka memberitahunya tentang kewajipan mengerjakan solat ini.

Banyak ayat al-Quran yang menyebut mengenai hukuman dan azab yang akan dikenakan kepada orang yang meninggalkan solat antaranya ialah surah al-Muddaththir 74:42-43 yang bermaksud “(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqr?. Orang-orang yang bersalah itu menjawab : Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang”. Selain itu, ayat yang lain juga menyebut mengenai azab kepada orang tidak mengerjakan solat seperti dalam surah Maryam 19:59 dan celaan Allah terhadap orang-orang yang lalai dalam melakukan ibadah ini dalam surah al-Ma‘un 107:4-5.

Jelas di sini bahawa pemanfaatan pada rangka fiksyen dalam konsep ini berjaya dijelaskan dan dibuktikan oleh pengarang secara bersungguh-sungguh. Pemanfaatan ini mewajarkan kepada khalayak pembaca terutamanya mesej yang berkaitan dengan konsep ini iaitu kewajipan mengerjakan solat dalam apa jua keadaan sehingga dalam Islam sendiri terdapat keringanan-keringanan yang diberikan kepada penganutnya seperti contoh orang yang sedang bermusafir dan orang yang sakit. Hakikatnya solat ini adalah wajib dan mesti dilakukan dalam apa jua keadaan sekalipun. Hubungan antara rangka fiksyen dan hukum mengenai konsep ini saling bertepatan antara satu sama lain dan mewajarkan pemanfaatan beretika yang membawa nada positif dalam menterjemahkan konsep taklif.

## **5.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, analisis novel ini meliputi penerapan beberapa dasar syariat oleh pengarang iaitu Habiburrahman El-Shirazy dalam melihat aspek rangka fiksyen pada perkataan dan ayat dalam karya ini. Terdapat empat konsep yang berkaitan dengan persoalan hukum hakam ditimbulkan dalam analisis ini iaitu konsep hubungan lelaki dan perempuan yang bukan mahram, konsep melamar wanita yang sudah dilamar orang lain, konsep pengecualian solat bagi wanita yang uzur syar‘ie dan terakhir iaitu konsep kewajipan mengerjakan solat. Keempat-empat konsep dicetuskan dalam analisis ini untuk melihat sejauh mana penerapan dasar berkenaan oleh pengarang terhadap rangka fiksyen yang menepati kewajaran dan ketepatan hukum hakam.

Bagi dapatan analisis dalam penerapan dasar syariat ini, pengarang telah memanfaatkan rangka fiksyen pada konsep pertama iaitu berkaitan dengan hubungan lelaki dan perempuan yang bukan mahram dengan memanfaatkan watak Azzam dengan menolak tawaran hadiah daripada Eliana yang berupa ciuman khas Perancis. Begitu juga pada konsep melamar wanita yang sudah dilamar orang lain, watak Azzam dimanfaatkan bagi memberi penjelasan kepada Fadhil mengenai hukum sebenar dalam syariat Islam yang berkaitan dengan pelamaran wanita. Seterusnya konsep ketiga melihat kepada persoalan pengecualian solat bagi wanita yang uzur syar‘ie, secara jelas Habiburrahman memanfaatkan watak Eliana untuk memberikan penjelasan kepada Azzam bahawa dia sedang mengalami keuzuran pada syarak dan menghalangnya daripada melakukan solat. Konsep yang terakhir mengenai kewajipan mengerjakan solat, pemanfaatan pada rangka ayat yang melibatkan watak utama iaitu Azzam menunjukkan mesej yang jelas ingin disampaikan oleh pengarang mengenai kepentingan solat dengan memperlihatkan Azzam mengutamakan solat daripada urusan kerjanya yang lain.

Kesimpulan makalah ini yang dapat dicernakan ialah analisis-analisis dalam novel yang diukur melalui rangka fiksyen sama ada perkataan atau ayat menyerlahkan lagi usaha penerapan yang dilakukan oleh Habiburrahman. Beliau telah menggunakan konotasi ayat mahupun perkataan yang membawa kepada ketepatan dan kesesuaian pada perbincangan hukum yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Ini membuktikan dasar syariat dalam karya ini berjaya dimanfaatkan oleh beliau dan secara tidak langsung persoalan ketepatan pada rangka fiksyen dengan pernyataan hukum hakam dapat diselesaikan dengan nada yang positif.

## RUJUKAN

Al-Quran.

- Arief Mahmudi.(2011). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El Shirazy. Dimuat turun 23 Julai 2013. <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream>
- Habiburrahman El-Shirazy. (2005). *Ayat-Ayat Cinta*. Ulang Cetak. Jakarta: Penerbit Republika.
- Habiburrahman El-Shirazy. (2008). *Ketika Cinta Bertasbih (Buku 1 Dwilogi Pembangun Jiwa)*. Ulang Cetak. Jakarta: Penerbit Republika.
- Habiburrahman El-Shirazy. (2011). *Ketika Cinta Bertasbih (1)*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Hasjmy, A. (1986). Sastera dan Agama. Dlm. Ismail Hussien (pnyt) *Sastera dan Agama* (hlm. 47-69). Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Jazairī, ‘Abd al-Rahmān. (1994). *Kitāb al-Fiqh ‘ala al-Mazahib al-Arba‘ah*. Jil.5. Al Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2004). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Adi Amzar, Zulkarnain & Pabiyyah. (2016). Perbandingan Definisi Sastera Islami Menurut Pandangan Sarjana Dunia Arab dan Alam Melayu. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Thought*. 3(1), 9-22.
- Mohd Fuad Mohd Sawari. (2005). *Al-Madkhal ila Dirāsat al-Fiqh al-Islamī*. Kuala Lumpur: Markaz al-Buḥūth al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyāh al-‘Alamīyyāh bi Māliziyya.
- Muhlis Fuadi. (2009). Kajian Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El-Shirazy. Dimuat turun 23 Julai 2013. <http://lib.uinmalang.ac.id/thesis/fullchapter/05110114-m-muhlis-fuadi.pdf>
- Muslim, al-Imām Abī Husayn. (2001). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh.
- Ruzian Markom. (2003). *Apa Itu Undang-Undang Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Sayyid Sabiq. (2009). *Fiqh Sunnah*. Terj. Nor Hasanuddin & Aisyah Saipuddin. Jil.1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2007). *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Zuhaili, Muhammad. (2009). *Al-Mu‘tamad Fiqah Imam Syafī‘i*. Terj. HM Yusuf Sinaga & Harun Zain. Jil.4. Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- al-Zuḥailī, Wahbah. (2004). *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatahu*. Ulang Cetak. Jil.1. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- Zulkarnain Mohamed. (2011). Batasan Berkarya menurut Akidah Islamiah: Kajian Awlad Haratina oleh Najib Mahfuz, Diwan oleh ‘Abd Al-Wahhab Al-Bayati dan “Langit Makin Mendung” oleh Kipandjikusmin. Tesis PhD. Universiti Pendidikan Sultan Idris.